

Gempa bumi beri keinsafan, peringatan dunia hanya sementara



Oleh Dr Mohammad Hafiz Badaruzaman
bhagama@bh.com.my

Pelbagai pengajaran dapat kita tekuni terhadap setiap peristiwa bencana alam, termasuk yang menimpa Turkiye dan Syria. Segala hikmah peristiwa ini dapat dirujuk menerusi al-Quran kerana Kitab Suci itu turut merekodkan segala ilmu pengetahuan berkaitan asal usul penciptaan alam sehingga bencana alam.

Gempa bumi antara peristiwa bencana alam dirakamkan dalam al-Quran dengan antara hikmahnya ialah peringatan mengenai hukuman umat terdahulu.

Allah SWT berfirman, "Maka mereka mendustakannya, lalu mereka dibinasakan gempa bumi serta menjadilah mereka mayat tersungkur di tempat tinggal masing-masing." (Al-Ankabut: 37)

Inilah bencana menimpa umat Nabi Syuaib AS kerana mendustakan segala nasihat diberikan Baginda.

Hal sama turut menimpa umat Nabi Salleh AS. Allah SWT berfirman, "Oleh itu, mereka pun dibinasakan gempa bumi, lalu menjadilah mereka mayat tersungkur di tempat tinggal masing-masing." (Al-Araf: 78)

Allah SWT menggoncang bumi hingga runtuh semua bangunan dan kediaman. Kaum Tsamud binasa atas keengganannya mereka menerima dakwah Nabi Salleh AS.

Selain itu, al-Quran juga merakamkan peristiwa gempa bumi berkaitan tanda berakut kiamat. Firman Allah SWT, "Apabila bumi digegarkan dengan gegaran sedahsyat-dahsyatnya." (Al-Zalzalah: 1)

Menurut Tafsir al-Munir, ayat ini diturunkan apabila orang kafir bertanyakan hari kiamat supaya mereka berfikir apabila gempa bumi berlaku, kenapa masih kekal dalam kekafiran dan tidak kembali menyembah Tuhan Yang Maha Esa.

Allah SWT berfirman: "(Ia berlaku) semasa bumi bergoncang dengan sebenar-benar goncangan. Dan gunung-gunung dihancurkan dengan sehancur-hancurnya." (Al-Waqiah: 4-5)

Menurut tafsiran Ibnu Abbas, Mujahid dan Qatadah, ia menggambarkan kesan gempa bumi akan menyebabkan gunung-gunung dihancurkan sehancurnya sehingga ibarat pasir berterbangan.

Menginsafi tujuan hidup di dunia

Secara keseluruhannya, dapatlah kita fahami bahawa peristiwa gempa bumi adalah sebahagian tanda kekuasaan Allah SWT dan amaran untuk kita semua supaya menginsafi tujuan hidup di dunia dan sifat kesementarannya, sedangkan Akhirat juga yang kekal.

Firman Allah SWT: "... dan biasanya Kami tidak menghantar turun tanda-tanda itu melainkan untuk menjadi amaran (bagi kebinasaan orang me-

mintanya kalau mereka tidak beriman)." (Surah al-Isra: 59)

Menurut Tafsir al-Sa'di, suatu amaran diberikan Allah SWT bertujuan agar manusia insaf, takut dan meninggalkan maksiat kepada-Nya.

Hakikatnya, al-Quran merekodkan peristiwa gempa bumi sebagai satu peristiwa berulang-ulang. Walaupun pernah terjadi pada masa silam, gempa bumi boleh berlaku pada masa kini dan masa depan.

Justeru, peringatan peristiwa gempa bumi dan bencana lain perlu diambil perhatian oleh umat Islam seluruhnya, sekali gus menghulurkan segala bantuan terdaya walaupun berbentuk doa.

Pada masa sama, kita juga harus meyakini bumi semakin tua hingga tidak mustahil kiamat boleh berlaku bila-bila masa. Maka, kita perlu kembali kepada al-Quran, bertaubat dan meninggalkan segala perkara maksiat, sekali gus melipatgandakan amalan dan kebaikan.



Bencana alam satu daripada peringatan Allah supaya manusia insaf dan takut melakukan maksiat. (Foto AFP)